

# Dera kanak-kanak perbuatan sabotaj

Sinar 29/12 MS 10

**JOHOR BAHRU** - Penyebaran video penderaan kanak-kanak di sebuah taska di Taman Kota Masai dekat sini di Internet sejak beberapa hari lalu disahkan sebagai perbuatan khianat.

Pengarah Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) negeri, Khatijah Abdullah mengetahui mengenai adegan video yang disifatkan keterlaluhan terhadap kanak-kanak itu selepas menonton video terbabit, Khamis lalu.

Menurutnya, pihak JKJ telah membuat siasatan ke premis tersebut bagi memastikan kesahihan rakaman video lebih seminit itu, pada keesokan harinya.

"Siasatan JKJ mendapati rakaman itu dipercayai angkara dua bekas pengasuh yang berkhidmat di situ selepas tidak berpuas hati terhadap tindakan pengasaha taska memberhentikan perkhidmatan mereka.

"Hasil siasatan mendapati pengasaha taska itu, mengakui ianya adalah

cubaan khianat bekas pekerjanya itu bagi menjatuhkan maruah dan perniagaannya, malah kes berkenaan telah dilaporkan kepada polis," katanya kepada *Sinar Harian*.

Khatijah berkata, taska berkenaan beroperasi sejak Januari tahun lalu dan berdaftar dengan pihak JKJ.

Katanya, seramai 30 kanak-kanak berada di bawah jagaan mereka berumur sehingga empat tahun dikendalikan lima pengasuh.

"Pengusaha mendakwa ibu bapa kanak-kanak berkenaan telah dimaklumkan berhubung penyebaran video berkenaan.

"Ini adalah kes pertama cubaan mengaibkan kanak-kanak dan pengusaha di negeri ini," katanya.

Beliau berkata, siasatan awal mendapati pengusaha terbabit mengikuti segala peraturan ditetapkan menyebabkan mereka layak mendapatkan permit menjalankan perkhidmatan itu.



Tubuh kanak-kanak diikat menggunakan kain.



Mulut kanak-kanak ini ditutupi menggunakan pita pelekat.